

Juhar bertekad bawa pembaharuan dalam MPPUMS

UB 17.10.2012 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

BERMULA awal untuk memegang satu tanggungjawab besar walaupun usia masih dalam gelanggang mentah bukan sesuatu yang membebankan.

Asalkan diri bijak dalam mengatur masa, komited membahagikan jadual serta berani memikul tugas dengan penuh tanggungjawab.

Bagi Mohd Juhar Harun, 22, berpeluang menimba pengalaman sebagai pemimpin muda adalah satu pelajaran paling berharga dan seharusnya tidak disia-siakan.


Menyandang jawatan sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (MPPUMS), bukanlah satu perkara mudah kerana ia memerlukan banyak pengorbanan dan komitmen yang tinggi.

Menjadi calon pilihan mahasiswa adalah satu kewajipan buat Juhar melaksanakan misi dan matlamat untuk membawa pembaharuan terhadap landskap kepimpinan mahasiswa.

"Cabaran yang perlu saya galas lebih besar dengan menjadi pemimpin kepada mahasiswa UMS. Justeru, saya perlu menunjukkan kemampuan dan kebolehan diri agar matlamat yang dibawa dapat dilaksanakan.

"Pengalaman sebelum ini sebagai Exco Jabatan Akademik dan Kerjaya dalam MPPUMS sesi lepas banyak memberi pendedahan kepada saya.

"Ia sekaligus menjadi



JUHAR

pendorong utama untuk menyahut cabaran dalam memikul tanggungjawab lebih besar sebagai presiden MPPUMS," katanya kepada *Utusan Borneo* ketika ditemui baru-baru ini.

Walaupun usia jawatan yang dipegangnya masih lagi baru, namun Juhar bersama barisan kepimpinan MPPUMS sesi 2012/2013 sudah memiliki



PROGRAM Turun Padang @ Kampus sebagai medium interaksi bersama pelajar dan pihak pengurusan.



BERSAMA kepimpinan MPPUMS Sesi 2012/2013.

satu penanda aras dalam memastikan hala tuju yang dibawa berjaya dicapai.

Baginya, antara cabaran paling besar yang perlu dihadapi adalah untuk

memastikan apa yang diusahakan oleh MPPUMS sebelum ini dapat diteruskan khususnya isu melibatkan kebajikan pelajar.

Katanya, mencari jalan penyelesaian dengan memberi penambahbaikan serta mengurangkan masalah sedia ada antara strategi yang akan dilaksanakan.

"Kami mahu pastikan hala tuju dan matlamat MPPUMS kali ini lebih baik dari tahun sebelumnya.

"Malah cogan kata yang kami pilih seiring dengan cogan kata yang diperkenalkan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah iaitu Satu Arah Satu Tujuan.

"Justeru, kami mengambil semula kata-kata itu dengan

membuat sedikit penambahan dari aspek pelajar iaitu Satu Arah Satu Tujuan, Merealisasikan Harapan, Menjunjung Kesarjanaan," jelasnya.

Beliau yang bertanding atas tiket Pro Aspirasi Mahasiswa ini tidak menafikan turut mendapat tentangan daripada calon Pro Mahasiswa dalam Pilihan Raya Kampus (PRK) baru-baru ini.

Namun jelasnya, keadaan di UMS masih lagi terkawal dan PRK berjalan dalam suasana aman dan harmoni.

"Setiap calon ada kekuatan masing-masing dan exco yang dibentuk juga mempunyai kelebihan tersendiri.

"Semua calon yang bertanding juga kebanyakan dari awal lagi dijangka menang

kerana mereka memang calon pilihan mahasiswa UMS," katanya.

Juhar berkata, MPPUMS adalah orang tengah untuk menyampaikan permasalahan pelajar kepada pihak atasan.

Sehubungan itu jelasnya, maklumbalas daripada pelajar amat diperlukan agar setiap isu yang ditimbulkan dapat diberi perhatian dan seterusnya diambil tindakan.

"Dalam usia yang baru mencecah tiga minggu dalam kabinet baru MPPUMS sesi ini, kami cuba kumpul seberapa banyak permasalahan para pelajar sebelum dikemukakan kepada pihak pengurusan.

"Menerusi gerak kerja kami yang terawal ini, MPPUMS mengadakan program Turun Padang @ Kampus untuk berjumpa dengan para mahasiswa di setiap kolej kediaman.

"Strategi kami di peringkat awal ini adalah untuk mendalami sesuatu isu yang ditimbulkan sebelum melangkah ke proses selanjutnya," katanya.

Beliau berkata, melalui

pertemuan dengan Naib Canselor yang akan diadakan setiap dua bulan sekali, ia bakal menjadi medan diskusi terbaik antara MPPUMS bersama pihak pentadbiran UMS.

Tambahnya, setakat ini isu perkhidmatan bas antara isu paling besar yang perlu diberi perhatian memandangkan ia melibatkan kebajikan pelajar.

Pihaknya mahu memastikan perkhidmatan yang disediakan seiring dengan matlamat untuk menjaga kebajikan pelajar secara keseluruhannya.

"Misi utama saya untuk membentuk kerjasama secara kolektif di peringkat kepimpinan mahasiswa iaitu dari MPPUMS, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas), Persatuan Mahasiswa Sekolah dan juga pelajar.

"Keduanya adalah untuk mengharmonikan kampus dan ketiga untuk mengangkat keserjanaan, kerohanian serta akademik.

"Saya berharap kampus UMS sentiasa harmoni sebagaimana yang diaspirasikan oleh Naib Canselor UMS sendiri.

MOHD Juhar Harun adalah anak kepada pasangan Harun Batarasa dan Finayda @ Junaida A. Hasaan yang dilahirkan pada 10 Oktober 1990. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan (SK) Lahad Datu II dan seterusnya melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sepagaya, Lahad Datu. Kini berada di tahun tiga, kursus Sejarah, Sekolah Sains Sosial (SSS) UMS. Aktif sejak zaman persekolahan lagi terutamanya dalam kokurikulum seperti pidato, pengakap, sukan, dan juga nasyyid. Anak keempat daripada tujuh orang adik-beradik ini turut berpengalaman memegang jawatan penting semasa sekolah termasuklah Ketua Pelajar, Pengawas Disiplin, dan Ketua Persatuan Tingkatan 6. Memegang jawatan Exco Jabatan Akademik dan Kerjaya sebelum dipilih sebagai Presiden MPPUMS 2012/2013.